

10/06/1997

52 pakar reka pelan tanah paya

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelan reka bentuk bagi Kawasan Perlindungan Tanah Berpaya Malaysia di Kuala Langat, akan disiapkan oleh 52 pakar dari dalam dan luar negara dalam tempoh sembilan minggu, mulai hari ini.

Pelan bagi kawasan seluas 5,000 hektar itu akan merangkumi pelbagai aspek membabitkan penjagaan alam sekitar dan kaedah terbaik untuk membaik pulih kawasan berkenaan.

Pengerusi projek itu yang juga Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Halim Ali, berkata ia membabitkan perlindungan alam sekitar terbesar di negara ini dan turut menerima geran bantuan daripada Jawatankuasa Penjagaan Alam Sekitar Sedunia (GEF) Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak AS\$17 juta (RM42.5 juta).

"Kami tidak dapat menentukan jumlah peruntukan yang diperlukan untuk projek mega seperti ini tetapi berharap lebih banyak sektor swasta tampil menghulur sumbangan.

"Projek ini bukan semata-mata untuk memelihara alam sekitar negara ini dengan menjadikan Kuala Langat sebagai model, sebaliknya bukti Malaysia mematuhi ikrarnya ketika Konvensyen Ramsar di Denmark, dua tahun lalu," katanya sambil menambah, beberapa badan korporat seperti Bank Bumiputra (M) Bhd, Hong Kong Bank dan Renong adalah antara yang pertama menghulur sumbangan untuk projek itu.

Halim memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Bengkel Bagi Memulakan Fasa Reka Cipta Kawasan Perlindungan Tanah Berpaya Malaysia di Universiti Malaya, hari ini. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wetland Malaysia (Malaysian Wetlands Foundation), Dr Muralee Menon.

Malaysia adalah negara ketiga di dunia selepas Belanda dan Jepun yang menyediakan kawasan seumpama itu. Fasa pertama projek naungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dijangka siap sebelum Sukan Komanwel pada 1998.

Kawasan Perlindungan Tanah Berpaya itu terletak berhampiran Putrajaya yang bakal menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan. Ia dikatakan mempunyai 130 pelbagai spesies burung, 40 jenis ikan, 20 mamalia dan reptilia serta 220 pelbagai herba yang diketahui dan masih dalam kajian.

Antara projek yang dirancang di kawasan itu ialah pemuliharaan dan mengekalkan hutan paya, pusat rekreasi, pusat lawatan, pusat penyelidikan bagi tujuan latihan dan pendidikan, akuarium, musium lombong timah, chalet, pejabat yayasan dan pelbagai rancangan lain.

Selain Dr Mahathir dan Halim, Yayasan Wetland Sanctuary ini turut disertai Presiden PBB, Tan Sri Razali Ismail, manakala Penasihat Ekonomi, Tun Daim Zainuddin menjadi pemegang amanahnya.

Menurut Halim, semua 52 pakar pelbagai sektor dari dalam dan luar negara akan memastikan pelan reka bentuk kawasan tanah berpaya itu dibuat dengan cara terbaik dan mematuhi garis panduan ISO 14000.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu bila tanah, yang kebanyakan masih belum digazetkan oleh Kerajaan Selangor itu, diserahkan sepenuhnya kepada yayasan berkenaan.

"Walaupun Selangor ketika ini berubah pucuk pimpinan, saya yakin Menteri Besarnya yang baru, Datuk Abu Hassan Omar, tidak mempunyai sebarang masalah untuk menyerahkan tanah untuk projek Persekutuan ini.

"Masalah mungkin timbul daripada beberapa syarikat melombong pasir yang masih beroperasi di sekitar kawasan berkenaan. Kami berharap Kerajaan Selangor dapat mewartakan keseluruhan kawasan 5,000 hektar itu secepat

mungkin," katanya.

Beliau berkata, projek itu akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama bermula sebaik saja pelan reka bentuk diluluskan oleh Perdana Menteri dan dijangka siap sebelum Sukan Komanwel tahun depan.

(END)